

RM530b ringan beban rakyat

Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan sejak penularan pandemik COVID-19 bermula Mac 2020 bagi meringankan beban rakyat dan membantu perniagaan melalui lapan pakej rangsangan dan bantuan ekonomi berjumlah RM530 bilion.

Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA) ditubuhkan pada Mac 2020 untuk memantau, menilai dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam bagi memastikan bantuan sampai kepada kumpulan sasar.

Sehingga Julai 2021, sejumlah 20 juta penerima dan 2.4 juta perniagaan mendapat manfaat daripada program berkenaan.

Selain bantuan kewangan, kerajaan juga mengambil langkah sewajarnya untuk mengembalikan ekonomi kepada keadaan normal.

Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan empat fasa pelaksanaan diumumkan pada 15 Jun 2021 menjadi panduan kepada rakyat, perniagaan dan pelabur berkaitan garis masa dan parameter pembukaan ekonomi secara berfasa dan sistematik

Pelan itu menetapkan syarat tertentu bagi pelonggaran atau pemansuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan prosedur operasi standard (SOP).

Sehingga 13 Oktober 2021, sebanyak 90.9 peratus penduduk dewasa lengkap divaksin.

Kerajaan juga berjaya melancarkan sukuk kelestarian berdaulat pertama di dunia dalam dolar Amerika Syarikat (AS) pada April 2021, yang mana hasil terbitan sukuk itu digunakan untuk membiayai projek sosial dan berkonsepkan hijau selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menjadi keutamaan kerajaan mulai Belanjawan 2021.

Kerajaan juga mencapai kemajuan dari pelbagai sudut pengurusan fiskal dan ekonomi.

Usaha itu termasuk merangka Akta Tanggungjawab Fiskal yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada 2022.

Akta itu akan menginstitusikan pengurusan fiskal berhemah, tadbir urus dan ketelusan berdasarkan amalan terbaik global.

Selain menerbitkan Sukuk Kelestarian, kerajaan juga menubuhkan Dana Amanah MySDG dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia.

Inisiatif itu menyediakan platform kepada pelbagai pihak termasuk kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), individu serta entiti domestik dan antarabangsa untuk menyumbang dalam pencapaian SDG di Malaysia.

Kerajaan terus menyelaras dan memperkemarkan pengurusan pembiayaan menerusi belanjawan tahunan bagi membolehkan pembiayaan program dan projek berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dilaksanakan secara sistematik, komprehensif dan efektif.

Ekonomi diunjur berkembang 5.5 hingga 6.5 peratus

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 5.5 peratus hingga 6.5 peratus pada 2022 berdasarkan asas ekonomi yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi.

Bagaimanapun, prospek yang lebih baik turut bergantung kepada faktor lain termasuk kejayaan mengawal pandemik, keberkesanan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan ekonomi global yang kukuh.

Ekonomi Malaysia berkembang 7.1 peratus pada separuh pertama 2021 dan pertumbuhan ekonomi dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini terutama pada suku keempat dengan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial beroperasi dengan kapasiti penuh.

Trajektori pertumbuhan dijangka sejajar dengan kejayaan program vaksinasi serta pelbagai pakej rangsangan untuk membantu rakyat dan membina semula ekonomi.

Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi dijangka berkembang antara 3.0 peratus hingga 4.0 peratus pada 2021.

Dasar monetari kekal akomodatif dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kekal stabil pada tujuh bulan 2021 pada 1.75 peratus dan 2.00 peratus.

Sektor perbankan kekal teguh disokong mudah tunai mencukupi dan penampakan modal yang kukuh, sementara pasaran modal terus berdaya tahan disokong mudah tunai domestik yang mencukupi dan persekitaran dasar yang memberangsangkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pendapatan per kapita pada 2020 dengan berkurang sebanyak 6.5 peratus kepada RM43,475 daripada RM46,450 pada 2019.

Purata gaji dan upah berkurang sebanyak sembilan peratus kepada RM2,933 pada 2020 berbanding RM3,224 pada 2019, justeru kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus pertengahan (M40) kini tersenarai di bawah kategori kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Keberkesanan program bantuan akan dipertingkatkan

Kerajaan akan meningkatkan keberkesanan program bantuan dengan menambah baik penyampaian perkhidmatan dan saluran komunikasi melangkah ke depan.

Kerajaan juga akan melaksanakan pendekatan bersasar dalam memastikan bantuan yang disediakan dapat memberi manfaat kepada penerima yang layak.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan mengenai impak pandemik COVID-19 terhadap isi rumah dan perusahaan mikro dan kecil (PMK) mendapati pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi kesan buruk kepada isi rumah dan perniagaan.

Malah, dalam kajian yang dilaksanakan pada 2020 dan 2021 itu menunjukkan ada sebahagian pihak lebih terkesan berbanding yang lain.

Kajian itu juga menunjukkan bantuan yang disediakan kerajaan memanfaatkan sebahagian besar penduduk.

Bagaimanapun, kajian itu juga mendedahkan terdapat bantuan yang tidak sampai kepada penerima yang layak atas pelbagai sebab termasuk kurang kesedaran mengenai inisiatif kerajaan dan kesukaran proses permohonan.

Kajian itu juga mendedahkan keperluan untuk guna tenaga dan perusahaan memperkukuhkan langkah peningkatan kemahiran dan latihan semula dalam mendepani norma baharu.

Kerajaan akan memperkukuh saluran komunikasi pada setiap peringkat untuk memastikan maklumat mengenai bantuan dan program disebarluaskan dengan berkesan.

Selain itu, proses permohonan juga akan dipermudahkan.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/881679/rm530b-ringin-beban-rakyat>